



KHAIDHIRAH mengiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh menyempurnakan gimik perasmian Karnival Pendidikan dan Kerjaya TVET Melaka 2023 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, November lalu. Foto: MR. AZLI



TVET menjadi antara bidang penting dalam kemajuan negara (Gambar Hiasan). Foto Iqmal Haqim Rosman

Pusat Kecemerlangan TVET fokus utama Melaka

“Penganjuran tahun ini akan lebih besar dan diangkat sebagai program peringkat kebangsaan.”

Faiz Hasan

AYER KEROH - Penubuhan Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET Centre of Excellence) menjadi fokus utama untuk direalisasikan tahun ini.

Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan

TVET negeri, Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, Kerajaan Negeri akan memastikan agenda itu dicapai, sekali gus mampu menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat pendidikan TVET terkemuka negara.

“Kita telah merangka pelbagai perancangan selain menyelaraskan perjalanan bagi memastikan penubuhan pusat kecemerlangan

TVET di Negeri Melaka direalisasikan tahun ini.

“Sudah tentu bagi tempoh jangka masa panjang kewujudan pusat kecemerlangan ini akan memberikan manfaat lebih besar kepada anak-anak Melaka khususnya selain, mereka datang dari luar untuk mengikuti kursus kemahiran di institusi TVET beroperasi di negeri

ini,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Khaidhirah berkata, selain itu Kerajaan Negeri bercadang menganjurkan karnival berkaitan bidang kerjaya dan kemahiran pada skala lebih besar pada tahun ini dalam usaha berterusan mempromosikan TVET sebagai bidang pengajian pilihan.

Beliau yang juga Ahli Dewan

Undangan Negeri (Adun) Rim memaklumkan, cadangan itu adalah susulan sambutan amat menggalakkan diterima ketika penganjuran Karnival Pendidikan dan TVET pada November lalu.

“Penganjuran tahun ini akan lebih besar dan diangkat sebagai program peringkat kebangsaan,” katanya.